

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2026**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
ISNIN, 19 SAFAR 1448H BERSAMAAN 03 OGOS 2026M**

PJL01/02/2026

1

No. Soalan: PL214

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA
JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA
KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF**

TARIKH : 03.08.2026 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** memberikan penjelasan berkenaan program *Civil Service Leadership Pipeline* (CSLP) Framework di bawah *Public Service Framework* yang diperkenalkan dan impaknya terhadap tahap keberkesanan dan peningkatan kualiti dalam menggarap *talent*, kapasiti dan kewibawaan pegawai-pegawai kanan kepimpinan jentera kerajaan berperanan sebagai nadi penggerak Perkhidmatan Awam lebih efisien, berkesan dan menepati sasaran sekaligus mendokong Wawasan Brunei 2035.

JAWAPAN:

Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) adalah Program Pembangunan Kepimpinan dalam Perkhidmatan Awam dan merupakan satu pendekatan strategik untuk mengenal pasti, membangun dan menyediakan barisan pemimpin Perkhidmatan Awam secara lebih sistematik dan berterusan.

Setakat ini, 1186 orang pegawai Bahagian II ke atas telah disenaraikan dalam *Leadership Pool* CSLP di kesemua Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya dengan nisbah 1:12 iaitu seorang pegawai CSLP bagi setiap 12 orang pegawai dalam Bahagian I dan II dalam Perkhidmatan Awam.

Keberkesanan CSLP dapat dinilai melalui program pembangunan yang dilaksanakan ketika ini iaitu Program Eksekutif Muda (YEP), Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) dan Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO). Program-program ini yang merangkumi pembelajaran berasaskan pengalaman, penempatan kerja, penghasilan kertas analisis dasar, penghasilan kertas cadangan melalui Projek Kajian Kapasiti (*Capacity Review Project*), lawatan sambil belajar di dalam dan luar negeri.

Rangka kerja CSLP dibangunkan berasaskan kompetensi kepimpinan dan amalan terbaik perkhidmatan awam antarabangsa. Penilaian peserta turut dilaksanakan dengan kerjasama Lee Kuan Yew School of Public Policy, National University of Singapore dan Chandler Governance Group bagi memastikan standard pembangunan kepimpinan yang tinggi.

Alhamdulillah, pencapaian peserta menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Dalam tempoh lima tahun kebelakangan, peratus peserta yang memperoleh gred A dan B bagi program-program utama CSLP secara konsisten berada di antara 85 hingga 100 peratus, sekali gus melebihi sasaran Programme and Performance Budgeting (PPB).

Di samping itu, di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama dalam Pembangunan Kapasiti Perkhidmatan Awam antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, dimana pegawai-pegawai dalam CSLP yang terpilih juga berpeluang untuk mengikuti Program Penempatan Kerja Pegawai Perkhidmatan Awam di Republik Singapura selama setahun. Alhamdulillah, berdasarkan kaji selidik yang telah dilaksanakan, program ini juga telah mendapat maklum balas yang positif daripada peserta dan pihak atasan masing-masing dari segi pembangunan individu, cara berfikir, peningkatan keupayaan penggubalan dasar (*enhanced policy formulation*) dan impak kepada organisasi. Antara hasil yang diperkenalkan meliputi penambahbaikan proses kerja, pendigitalan perkhidmatan, pengukuhan dasar dan pengawalseliaan, pembangunan sistem baharu yang menyokong agenda transformasi Perkhidmatan Awam.

Sebagai contoh, beberapa orang pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Kementerian Kesihatan, yang mengikuti program tersebut telah berupaya memberikan nilai tambah terhadap proses kerja berkaitan perkhidmatan-perkhidmatan teras Kementerian termasuk memperkenalkan beberapa pembaharuan strategik yang mendatangkan impak positif khususnya terhadap keutamaan Kementerian.

Pembangunan pegawai di bawah CSLP turut merangkumi aspek pementoran serta Penempatan Silang (*Cross Fertilization*), iaitu penempatan pegawai ke agensi lain bagi tujuan untuk meluaskan perspektif, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman kerja pegawai, sekali gus meningkatkan keupayaan menyesuaikan diri dengan perubahan dan situasi urus tadbir yang berbeza.

Secara keseluruhannya, CSLP telah menyumbang kepada pembangunan barisan pemimpin dalam Bahagian II dan ke atas yang lebih kompeten, berwibawa dan bersedia dalam mendokong transformasi Perkhidmatan Awam secara lebih efisien, berkesan dan berorientasikan hasil, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

No. Soalan: PL234

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN

TARIKH : 03.08.2026 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Radio Televisyen Brunei (RTB) dalam meneroka sumber pendapatan melalui *Broadcasting Rights* atau *Media Rights* dengan menyiarkan perlawanan Liga Super Brunei secara langsung dan melalui platform penstriman? Langkah ini bukan sahaja berpotensi menjana hasil, malah dapat menyokong perkembangan industri bola sepak tempatan serta memperluaskan capaian sukan negara kepada penonton.

JAWAPAN:

RTB selaku penyiar rasmi Kerajaan terus menyokong pembangunan industri bola sepak tempatan melalui liputan berita, program-program sukan dan penyiaran kejohanan-kejohanan utama. RTB juga bekerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) dalam menyelaras liputan bagi perlawanan bola sepak di dalam dan di luar negara.

Pada masa ini, RTB membuat liputan bagi semua perlawanan Liga Super Brunei menerusi laporan berita radio dan televisyen, program sukan harian 'Arena', serta hebahan keputusan perlawanan menerusi siaran radio dan platform digital RTB, bagi memastikan orang ramai terus mendapat perkembangan terkini mengenai liga tempatan.

Mengenai cadangan untuk meneroka *Broadcasting Rights* atau *Media Rights*, RTB sememangnya mengalu-alukan pendekatan tersebut sebagai satu peluang untuk memperluaskan liputan sukan tempatan, meningkatkan nilai komersial kandungan tempatan serta meneroka sumber pendapatan baharu. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya memerlukan penelitian yang menyeluruh bagi memastikan ia berdaya maju dan mampan.

Antara perkara yang perlu dipertimbangkan termasuklah potensi pulangan komersial berbanding kos penerbitan, permintaan dan capaian penonton, keupayaan operasi, keperluan tenaga kerja, kemudahan teknikal penyiaran, serta kerjasama dengan pemegang hak, penganjur dan rakan-rakan strategik.

Pada masa ini, RTB belum berupaya untuk menyiarkan setiap perlawanan Liga Super Brunei secara langsung. Sebagai gambaran, satu siaran langsung perlawanan memerlukan fasiliti *Outside Broadcast Television* (OBTv), peralatan teknikal khusus serta sekitar 35 hingga 45 orang petugas, dengan anggaran kos operasi sekitar BND50,000 hingga BND60,000 bagi setiap liputan, bergantung kepada keperluan penerbitan.

Dalam masa yang sama, RTB, selaku penyiar rasmi Kerajaan, juga perlu mengimbangi penggunaan aset penyiaran dan tenaga kerja bagi memenuhi keutamaan liputan acara-acara kenegaraan, majlis-majlis rasmi Kerajaan serta komitmen penyiaran yang lain.

Dari sudut komersial, penyiaran sesebuah liga sukan perlu dinilai berdasarkan keseimbangan antara kos penerbitan dengan potensi hasil yang boleh dijana melalui pengiklanan, penajaan atau model perkongsian hasil yang bersesuaian. Pendekatan ini adalah penting bagi memastikan penyiaran tersebut dapat dilaksanakan secara mampan.

Penyiaran liga sukan seperti Super Liga Brunei adalah satu keputusan komersial yang mana pendapatan hasil yang dijana mesti mengimbang kos penerbitan dan penyiaran.

Sebagai contoh, penyiaran acara sukan antarabangsa seperti Piala Dunia FIFA, Sukan Olimpik dan Sukan Komanwel dibuat berdasarkan tahap permintaan penonton yang tinggi serta potensi penjanaan hasil pengiklanan. Pendekatan yang sama perlu digunakan dalam menilai kebolehlaksanaan penyiaran Liga Super Brunei secara langsung.

Ke hadapan, RTB akan terus meneroka peluang kerjasama dengan FABD, sektor swasta serta rakan-rakan strategik bagi memperluaskan liputan sukan tempatan, termasuk menilai penggunaan platform penstriman digital dan model kerjasama yang lebih kos efektif. Pendekatan ini berpotensi meningkatkan capaian penonton, memperkukuh pembangunan industri bola sepak tempatan dan pada masa yang sama membuka ruang kepada penjanaan pendapatan baharu.

No. Soalan: PL270 & PL313

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN

TARIKH : 03.08.2026 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan perkhidmatan awam yang mana adalah sangatlah penting bagi menjayakan Wawasan 2035? Apakah pendekatan baru yang sedang atau akan diambil bagi memastikan perkhidmatan awam mampu bertindak sebagai '*enabler*' kepada pencapaian Wawasan 2035?

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelan tindakan dan sasaran utama yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk mentransformasikan perkhidmatan awam menjadi lebih cekap, responsif, inovatif dan berdaya saing menjelang Wawasan Brunei 2035, serta bagaimanakah kejayaan inisiatif tersebut akan diukur melalui petunjuk prestasi utama (KPI) yang jelas?

JAWAPAN:

Transformasi Perkhidmatan Awam memainkan peranan penting sebagai *enabler* atau pemudahcara kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035. Justeru itu, usaha pembaharuan dalam Perkhidmatan Awam bukan sahaja tertumpu kepada peningkatan kecekapan organisasi, tetapi juga kepada sejauh mana dasar, proses dan penyampaian perkhidmatan memberi impak kepada orang ramai, masyarakat dan komuniti perniagaan.

Untuk makluman, di bawah setiap matlamat Wawasan Brunei 2035, terdapat beberapa keutamaan yang dikaitkan dengan peranan perkhidmatan awam dalam sama-sama mendokong pencapaian matlamat-matlamat tersebut, khususnya menerusi sasaran-sasaran yang ditetapkan di bawah blueprint masing-masing. Dalam hubungan ini, ingin memberikan penjelasan secara ringkas mengenai keutamaan peranan-peranan tersebut berdasarkan kepada beberapa aspek.

Dari sudut Sosial, khususnya dalam konteks penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat, Kerajaan terus memberi penekanan terhadap pendekatan yang lebih responsif dan memfokuskan kepada keperluan orang ramai (*people-centred*). Ke arah itu, kaedah yang digunapakai termasuklah pemantauan ke atas Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR), yang juga didokong oleh Sistem Pengendalian Aduan Orang Ramai dan PEMEDULIAN. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga terus memperkukuhkan penglibatan dan kerjasama antara orang ramai dan organisasi Kerajaan menerusi kaedah *Regular Public Engagement* (RPE).

Bagi Tahun Kewangan 2025/2026, tahap kepuasan pelanggan keseluruhan melalui PEMEDULIAN iaitu sebuah sistem atas talian kerajaan mencatatkan pencapaian 84.2%, iaitu melebihi sasaran KPI sebanyak 84.0%.

Dari sudut Ekonomi, Perkhidmatan Awam akan terus berperanan sebagai pemudah cara dengan menyediakan perkhidmatan Kerajaan yang lebih mesra perniagaan (*business-friendly*). Usaha memperkemaskan proses melalui Transformasi Sistem Kerja (TSK) dan *Business Process Improvement* (BPI) terus diperkukuhkan bagi mengurangkan proses yang tidak perlu dan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Penggunaan teknologi baharu, termasuk kecerdasan buatan (AI), juga akan terus diteroka mengikut kesesuaiannya, bagi meningkatkan kecekapan dan penyampaian perkhidmatan yang lebih responsif.

Dalam perkara berkaitan, penekanan terhadap prestasi dan inovasi dalam perkhidmatan awam juga terus diutamakan. Ke arah ini, Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) terus digunakan bagi menilai prestasi organisasi serta mengenal pasti ruang penambahbaikan. Salah satu KPI MSD ialah sekurang-kurangnya tiga (3) agensi setahun mencapai penarafan tiga bintang dan ke atas, dan bagi Tahun Kewangan 2024/2025, sebanyak empat (4) agensi telah mencapai tahap tersebut. Pembudayaan inovasi turut digalakkan melalui Anugerah Inovasi Perdana (AIP) yang mencatatkan 33 penyertaan kertas projek pada tahun 2026 berbanding 12 pada tahun sebelumnya, iaitu penyertaan tertinggi sejak AIP diperkenalkan.

Demikianlah bahawa, kejayaan transformasi Perkhidmatan Awam itu akan dinilai berdasarkan hasil dan impaknya kepada orang ramai, masyarakat dan ekonomi negara. Kerajaan juga menyedari bahawa usaha ini merupakan satu proses yang berterusan dan masih terdapat banyak ruang yang perlu ditangani ke arah memperkemaskan dan meningkatkan lagi keberkesanan penyampaian Perkhidmatan Awam dari masa ke semasa.

No. Soalan: PL254 & PL312

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIMYANG BERTHORMAT AWANG HAJI MOHD.
SALLEH BIN HAJI OTHMAN

TARIKH : 03.08.2026 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan JPM dalam memantapkan perkembangan institusi, termasuk *streamlining* proses, mengukuhkan latihan kemahiran, serta pengenalpastian dan pemeraksanaan bakat dalam Perkhidmatan Awam? Ini kerana di samping penggunaan teknologi moden dan sistem digital yang efisien; *institutional development* dan pemeraksanaan bakat (*talent development*) khususnya juga berperanan penting ke arah memacu pertumbuhan ekonomi dan inovasi.

YANG BERTHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan untuk memperkukuhkan kapasiti, kompetensi dan kemahiran pegawai Kerajaan melalui latihan berterusan, pendigitalan serta pembangunan profesional agar penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, berkesan dan responsif kepada keperluan semasa?

JAWAPAN:

Sukacita terlebih dahulu menyentuh mengenai usaha berterusan Jabatan Perdana Menteri melalui Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dari aspek memperkukuhkan kapasiti, kompetensi dan kemahiran pegawai kerajaan melalui latihan berterusan, pendigitalan serta pembangunan profesional, antaranya seperti inisiatif-inisiatif berikut:

- a. Pertama, melalui latihan berterusan. IPA melaksanakan program latihan berasaskan kompetensi dalam bidang kepimpinan, pengurusan perubahan, pengurusan projek, digital, AI dan analitik data mengikut keperluan Kementerian dan Jabatan. Melalui *Civil Service Leadership Pipeline* (CSLP), peserta turut melaksanakan *Capacity Review Project* (CRP) bagi mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari untuk menangani isu sebenar dalam Perkhidmatan Awam.

- b. Kedua, melalui pendigitalan. IPA memperkuat keupayaan digital dan AI pegawai melalui pelbagai latihan yang membantu meningkatkan produktiviti, mempercepat proses kerja dan menyokong penyelesaian masalah secara lebih inovatif. Sebagai inisiatif baharu, *Civil Service AI Buildathon* diperkenalkan bagi membolehkan pegawai membangunkan penyelesaian berasaskan AI kepada cabaran sebenar di tempat kerja. Menerusi program ini, ianya telah membantu peserta menghasilkan inovasi, dengan beberapa projek berjaya dipilih untuk bertanding di peringkat Anugerah Inovasi Perdana (AIP).
- c. Ketiga, melalui pembangunan profesional dan bakat. IPA terus menawarkan pensijilan profesional yang diiktiraf di peringkat antarabangsa secara *demand-driven* mengikut keperluan kementerian dan jabatan. Antaranya ialah *Project Management Professional* (PMP) bagi memperkuat keupayaan pengurusan projek, *Key Performance Indicators* (KPI) bagi meningkatkan pengurusan prestasi berasaskan data, dan *Chartered Institute of Personnel and Development* (CIPD) bagi memperkuat pengurusan sumber manusia strategik serta pembangunan bakat.

Seterusnya, dari aspek pengenalpastian dan pemerkasaan bakat. Bagi memastikan pembangunan kompetensi dilaksanakan secara lebih sistematik, *Public Service Competency Development Framework* (PSCDF) disediakan bagi membantu kementerian dan jabatan mengenal pasti kompetensi yang diperlukan, menilai jurang kemahiran serta merancang pembangunan bakat dan juga pelan penggantian (*succession planning*). Pendekatan ini memastikan pelaburan dalam latihan benar-benar memenuhi keperluan organisasi dan memperkuat keupayaan institusi, di samping memastikan kesinambungan kepimpinan dan kepakaran dalam Perkhidmatan Awam.

Bagi pegawai berpotensi tinggi, *Civil Service Leadership Pipeline* atau CSLP menyediakan beberapa program untuk membangun dan meningkatkan keupayaan mereka. Ini termasuk Program Eksekutif Muda atau YEP; Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan atau EDPMMO; dan Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan atau EDPSGO.

Pembangunan bakat turut dilaksanakan melalui Program Penempatan Kerja Pegawai Perkhidmatan Awam di Republik Singapura selama satu tahun, pementoran serta Penempatan Silang atau *Cross Fertilization*. Melalui penempatan silang, pegawai ditempatkan di agensi lain bagi meluaskan perspektif, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman kerja. Pendedahan ini juga bertujuan meningkatkan keupayaan pegawai untuk mengadaptasi dan menyesuaikan diri dengan perubahan serta situasi tadbir urus yang berbeza.

Pegawai kerajaan juga diberi peluang meningkatkan kapasiti, kompetensi dan pengalaman melalui mobiliti pekerjaan, termasuk mekanisme peminjaman (*secondment*) ke agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau sektor swasta yang bersesuaian. Pendekatan ini membolehkan pegawai memperoleh pendedahan kepada amalan terbaik, memperluas perspektif serta memperkukuh keupayaan profesional dan kepimpinan melalui pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*).

Berhubung aspek pembangunan institusi dan memperkemaskan (*streamlining*) proses kerja, tumpuan diberikan kepada usaha memperkukuh sistem, proses kerja dan memberkesankan prestasi organisasi dalam Perkhidmatan Awam. Selaras dengan *Project Management Framework* (PMF) bagi projek transformasi digital Kerajaan, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) berperanan sebagai *Business Process Improvement (BPI) Advisor* dalam *BPI Workstream* bagi memberikan panduan berkaitan metodologi BPI, penilaian proses kerja serta cadangan penambahbaikan. Pendekatan ini adalah bagi memastikan transformasi digital bukan sekadar mendigitalkan proses sedia ada, tetapi turut disokong dengan proses kerja yang lebih cekap, bersepadu dan berorientasikan hasil. Sebagai langkah awal, Bengkel BPI pada Jun 2026 yang dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) dan Institut Perkhidmatan Awam (IPA) telah melibatkan enam (6) agensi Kerajaan yang akan melaksanakan BPI bagi projek transformasi digital masing-masing.

Usaha pembangunan institusi ini turut diperkukuhkan melalui Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) bagi membantu agensi mengenal pasti jurang dan ruang penambahbaikan organisasi, serta Program Intervensi Pembaharuan dan Penambahbaikan (P2P) yang menyediakan bimbingan dan konsultasi secara berstruktur berasaskan pendekatan *learning-by-doing*. Ini adalah bagi meningkatkan keupayaan agensi merancang dan melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan secara lebih sistematik, sekali gus memupuk budaya penambahbaikan dan inovasi dalam Perkhidmatan Awam.

Secara keseluruhannya, perancangan ini adalah untuk memastikan pengukuhan institusi, penambahbaikan proses kerja serta pembangunan kompetensi dan bakat dilaksanakan secara saling melengkapi. Melalui usaha-usaha ini, Jabatan Perdana Menteri berhasrat membangunkan Perkhidmatan Awam yang lebih berkeupayaan, tangkas dan berdaya tahan, di samping memanfaatkan teknologi moden dan sistem digital yang efisien bagi memperkukuh penyampaian perkhidmatan, menghasilkan penyelesaian yang inovatif serta mendukung keperluan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara.

No. Soalan: PL194 & PL224

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

TARIKH : 03.08.2026 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan akan mempertimbangkan pelaksanaan secara rintis pengaturan bekerja dari rumah secara bergilir, contohnya satu hari dalam seminggu bagi kementerian atau jabatan, sebagai satu pendekatan jangka panjang untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas pada waktu puncak, meningkatkan keseimbangan kehidupan dan pekerjaan serta menilai kesannya terhadap produktiviti perkhidmatan awam sebelum diperluaskan secara berperingkat?

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini cadangan untuk memberikan dua hari rehat berturut-turut dalam seminggu kepada pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam di bawah Dasar Keseimbangan Kerja-Kehidupan bagi Semua Tempat Kerja, sebagai salah satu tindakan berkepentingan di bawah Pelan Tindakan Kesihatan Mental 2022–2025, susulan kajian dan bengkel pembangunan dasar Kerajaan.

JAWAPAN:

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menyediakan kertas kerja mengenai Pengaturan Kerja Fleksibel atau *Flexible Working Arrangement* (FWA) dalam Perkhidmatan Awam, yang turut merangkumi cadangan penyusunan semula hari bekerja Kerajaan kepada hujung minggu yang disatukan (*non-split weekend*).

Kertas cadangan ini telah dibentangkan dalam beberapa sesi permesyuaratan peringkat pengurusan tinggi bagi mendapatkan maklum balas awal pihak-pihak yang berkenaan. Antara perkara yang telah ditimbulkan ialah keperluan mewujudkan mekanisme pemantauan yang bersesuaian, pertimbangan terhadap pelaksanaan secara rintis, serta implikasi terhadap kecekapan dan produktiviti, kesinambungan operasi dan aksesibiliti penyampaian perkhidmatan.

Aspek lain yang turut diteliti termasuklah ketersediaan infrastruktur dan teknologi, kesesuaian fungsi serta keupayaan pegawai/kakitangan untuk melaksanakan cadangan aturan tersebut, keperluan penyesuaian atau penstrukturan semula proses kerja, kesinambungan perkhidmatan (*business continuity*), serta mengambil kira jua komposisi demografi tenaga kerja Perkhidmatan Awam yang sebahagian besarnya terdiri daripada kumpulan sokongan.

Penelitian ini akan mengambil kira keperluan operasi serta penyampaian perkhidmatan yang berbeza-beza di setiap Kementerian dan Jabatan, serta memperluaskan lagi penglibatan pihak-pihak yang berkepentingan bagi memastikan penilaian yang lebih komprehensif, dan mengambil kira pelbagai perspektif.

Kedua-dua cadangan ini sedang melalui proses penelitian yang menyeluruh bagi memastikan sebarang keputusan dasar yang dibuat adalah berasaskan penilaian yang objektif, pandangan pihak-pihak berkepentingan serta keperluan penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan.

No. Soalan: PL297

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN

TARIKH : 03.08.2026 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan projek-projek '*Renewable* atau *Alternative Energy*' sudah diungkayahkan seperti *Solar Power* dan *Waste-to-Energy* (WTE) yang bukan saja untuk menampung permintaan dari FDI tetapi juga mendokong strategi pengurangan pengeluaran *carbon dioxide*? Apakah projek WTE dan juga projek yang lain akan dapat dilaksanakan pada tahun 2027 ini?

JAWAPAN:

Pembangunan tenaga boleh diperbaharui dan tenaga alternatif merupakan antara keutamaan pihak Kerajaan dalam memperkukuh keterjaminan tenaga negara serta menyokong sasaran Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP) iaitu mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus kapasiti terpasang tenaga boleh diperbaharui daripada keseluruhan kapasiti penjanaan elektrik negara menjelang tahun 2035.

Alhamdulillah, kapasiti tenaga boleh diperbaharui telah meningkat daripada 7 megawatt-peak (MWp) pada tahun 2024 kepada 63 MWp setakat ini dan dijangka melebihi 100 MWp pada penghujung tahun 2026. Peningkatan ini disokong oleh Projek Tenaga Suria Kampong Belimbing Subok berkapasiti 46 MWp serta Projek Tenaga Suria berkapasiti 12MWp Syarikat Hibiscus Petroleum Berhad yang dijangka mula menjana tenaga elektrik pada tahun ini.

Sektor swasta telah dan terus memainkan peranan penting dalam menyokong perkembangan tenaga boleh diperbaharui melalui pelaksanaan projek tenaga suria merentasi sektor komersial, perindustrian, pendidikan dan perbankan. Antaranya termasuk Projek SINAR oleh Hengyi Industries serta pemasangan sistem tenaga suria di bawah skim Net Metering di Jerudong International School dan ibu pejabat Bank Islam Brunei Darussalam.

Selain itu, program perintis tenaga suria di Tapak Perindustrian Sungai Bera kini sedang diteliti bersama syarikat-syarikat berkaitan dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB). Program ini akan menilai corak penggunaan elektrik, kesesuaian tapak serta daya maju teknikal dan komersial sebelum diperluaskan ke kawasan perindustrian lain. Penyertaan sektor komersial akan terus diperkukuh melalui galakan pelaksanaan langkah kecekapan tenaga dan penggunaan sistem tenaga suria sebagai langkah persediaan awal menjelang pelaksanaan cadangan struktur tarif elektrik sektor komersial yang dikemas kini daripada bersifat regresif kepada progresif mulai tahun 2028.

Bagi tahun 2027, Projek SolarGov yang melibatkan pemasangan sistem tenaga suria di lima buah bangunan Kerajaan kini berada pada peringkat penilaian tender. Projek ini merupakan fasa permulaan pelaksanaan SolarGov secara berperingkat, dengan keseluruhan projek dijangka mencapai kapasiti sehingga 13 MWp, tertakluk kepada hasil penilaian tender. Pemasangan di lima buah bangunan tersebut dijangka mula menjana tenaga elektrik secara berfasa pada tahun 2027. Di samping itu, kontrak bagi Projek Tenaga Suria Terapung pertama negara juga dirancang untuk dianugerahkan pada tahun 2027. Sementara itu, Projek Waste-to-Energy (WtE) kini berada pada peringkat penilaian dan dijangka mula beroperasi pada penghujung tahun 2030 dengan kapasiti penjanaan sehingga 15 MW.

Dari segi impak terhadap pengurangan pelepasan gas rumah hijau, setiap 1 MWp kapasiti terpasang tenaga boleh diperbaharui dianggarkan berupaya mengurangkan sekitar lapan ratus sembilan puluh empat (894) tan karbon dioksida setara (CO₂e) setahun. Walau bagaimanapun, anggaran ini adalah bersifat indikatif dan bergantung kepada prestasi sistem serta keadaan operasi. Oleh itu, pelaksanaan projek akan terus dipergiat secara berfasa dengan mengambil kira pertumbuhan permintaan elektrik, kesiapsiagaan grid serta daya maju teknikal dan komersial. Di samping projek berskala besar, penggunaan sistem tenaga suria di rumah kediaman melalui skim Net Metering juga akan terus dipromosikan bagi menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang lebih rendah karbon dalam memenuhi permintaan elektrik, termasuk daripada penggunaan kenderaan elektrik.

Seiring dengan perkembangan ini, Kerajaan turut memperkukuh kesiapsiagaan tenaga kerja tempatan melalui Rangka Kerja Skills and Capacity for Alternative Low-Carbon Energy (SCALE), termasuk pelaksanaan *Solar Internship Programme* yang memberi pendedahan praktikal kepada pelajar IBTE dan Politeknik Brunei di projek-projek tenaga suria berskala besar.

No. Soalan: PL172

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN

TARIKH : 03.08.2026 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan mengimbangi peranan Brunei sebagai tuan rumah ASEAN *Centre for Climate Change* dengan laporan yang merekodkan pelepasan karbon per kapita tertinggi di ASEAN? Apakah langkah untuk memperkukuh usaha penyahkarbonan tempatan (*local decarbonisation*) menunjukkan kepimpinan serantau serta memastikan kemajuan yang boleh diukur di bawah Dasar Perubahan Iklim Negara?

JAWAPAN:

Kerajaan mengambil maklum laporan kedudukan pelepasan karbon per kapita Negara Brunei Darussalam dalam perbandingan negara-negara ASEAN. Pelepasan karbon per kapita adalah antara salah satu metrik perbandingan dalam mengukur pelepasan gas rumah hijau sesebuah negara. Pelepasan per kapita dikira dengan membahagikan jumlah pelepasan negara dengan jumlah penduduknya.

Dengan jumlah penduduk negara yang terendah di ASEAN, iaitu kira-kira empat ratus enam puluh ribu (460,000) orang, pelepasan mutlak sebanyak lima belas (15) juta tan *carbon dioxide equivalent* adalah juga salah satu yang terendah di ASEAN.

Oleh itu, pelepasan per kapita perlu ditafsir bersama jumlah mutlak dan konteks nasional seperti struktur ekonomi dan tahap pembangunan.

Pelepasan gas rumah hijau negara pula adalah sebanyak kosong perpuluhan kosong dua peratus (0.02%) pelepasan global. Walaupun pelepasan negara adalah sangat kecil berbanding pelepasan global, negara juga turut mengekalkan kira-kira tujuh puluh dua peratus (72%) hutan, antara liputan tertinggi di ASEAN, yang bertindak sebagai penyerap karbon semula jadi.

Namun, sebagai masyarakat yang bertanggungjawab, kita masih sahaja perlu terus memainkan peranan dalam mengurangkan pelepasan karbon. Penggunaan tenaga, makanan dan barangan harian turut mempengaruhi jumlah pelepasan.

Di negara ini, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dalam memastikan perkhidmatan asas seperti bekalan elektrik dan air mampu dinikmati bagi menyokong kesejahteraan rakyat serta daya saing industri tempatan. Namun, kemudahan ini turut menyumbang kepada corak penggunaan yang lebih tinggi berbanding purata serantau. Justeru, Kerajaan menggalakkan penggunaan yang lebih bertanggungjawab, berhemah dan cekap secara menyeluruh, termasuk mengurangkan pembaziran tenaga, makanan dan sumber lain, serta menyertai inisiatif seperti Protokol Hijau dan amalan 3R (*Reuse, Reduce, Recycle*).

Peranan Negara Brunei Darussalam sebagai tuan rumah ASEAN *Centre for Climate Change* (ACCC) mencerminkan komitmen negara dalam menangani perubahan iklim. Sebagai badan pemikir, hab pengetahuan, penyelar strategik dan penyepadu inisiatif tindakan iklim ASEAN, ACCC akan menyokong usaha memperkukuhkan kerjasama, perkongsian ilmu dan penyelarasan tindakan iklim, yang turut menyokong usaha negara ke arah peralihan rendah karbon dan berdaya tahan iklim serta aspirasi Net Zero.

Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP) menjadi kerangka utama peralihan rendah karbon melalui 10 strategi mitigasi, adaptasi dan kedayatahan, serta strategi-strategi pemboleh. Sejak pelancaran BNCCP pada tahun 2020, negara telah berjaya mengurangkan pelepasan gas rumah hijau berbanding senario *Business-as-usual* setiap tahun.

Selaras dengan hala tuju BNCCP, Kerajaan terus memperkukuh pelaksanaan strategi dan inisiatif ke arah pengurusan pelepasan serta pertumbuhan rendah karbon di sepanjang rantai, seperti mengurangkan pelepasan daripada aktiviti *venting* dan *flaring* dalam sektor minyak dan gas melalui peningkatan kecekapan operasi, pemantauan yang lebih berkesan serta pemanfaatan gas yang sebelum ini dilepaskan atau dibakar.

Kapasiti tenaga boleh diperbaharui pula, khususnya tenaga suria, telah ditingkatkan kepada enam puluh tiga (63) megawatt-peak (MWp) dari tujuh (7) megawatt-peak (MWp) pada tahun 2024.

Pada masa yang sama, Kerajaan terus memperluas langkah-langkah kecekapan dan penjimatan tenaga bagi membudayakan penggunaan elektrik yang lebih cekap dan berhemat, termasuklah melaraskan kadar tarif elektrik sektor komersial dari regresif ke progresif yang akan dilaksanakan pada tahun 2028. Kesemua usaha ini dilaksanakan secara bersepadu bagi menyokong pencapaian objektif BNCCP, khususnya dalam mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan memacu pertumbuhan rendah karbon negara.

Bagi memastikan kemajuan boleh diukur, negara juga telah mengemukakan *Nationally Determined Contributions* di bawah Perjanjian Paris, disokong oleh BNCCP dan *Mandatory Reporting Directive*, yang dilancarkan pada tahun 2023, bagi pelaporan mandatori. Di peringkat serantau pula, negara juga telah memacu pembangunan kapasiti dengan menganjurkan latihan seperti *ASEAN Regional Workshop on Carbon Pricing and Carbon Markets*, dan *Workshop on Greenhouse Gas Inventories Asia*.

Secara keseluruhan, tindakan iklim negara memberi tumpuan bukan sahaja kepada pengurangan pelepasan, tetapi juga pembinaan daya tahan, melalui pendekatan pragmatik, seimbang dan proaktif bagi menyokong kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi negara.

No. Soalan: PL166

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN

TARIKH : 03.08.2026 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan beralih daripada pendekatan reaktif seperti penyimpanan stok kepada *proactive scenario planning* dan penilaian risiko bagi memperkukuh daya tahan negara menghadapi kejutan geopolitik, ekonomi dan alam sekitar serta gangguan rantai bekalan global semakin kompleks?

JAWAPAN:

Dalam menangani kebimbangan yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pendekatan pentadbiran diperkukuh dengan memberikan penekanan kepada langkah-langkah yang lebih proaktif. Komite Kebangsaan Menangani Kesan Konflik Timur Tengah dan Perkembangan Semasa (KK-MKKTTPS) ditubuhkan sebagai landasan penyelarar strategik seluruh Kerajaan (*whole-of-government*) ke arah tindakan proaktif yang dimaksudkan, bagi memperkukuh kesiapsiagaan Negara menghadapi ketidakpastian global termasuk konflik geopolitik, pandemik, perubahan iklim dan gangguan rantai bekalan.

Ianya ditubuhkan untuk menyelaraskan penilaian risiko dan impak terhadap rakyat, terutamanya bagi:

Pertama – menilai risiko terhadap bekalan tenaga, makanan, ubat-ubatan, bahan pembinaan dan keperluan asas yang lain, termasuk impak ekonomi dan sosial kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana;

Kedua – Merangka langkah mitigasi kos sara hidup, termasuk intervensi jangka serta-merta, pendek, sederhana dan panjang; dan

Ketiga – Memastikan kemampanan fiskal melalui pendekatan bersepadu.

Strategi bagi mencapai objektif yang telah dikongsikan adalah antaranya:

- a. Pengurusan tahap stok simpanan strategik negara bagi makanan, bahan api, ubat-ubatan;
- b. Kepelbagaian sumber dan rantai bekalan, pengurusan permintaan dan pelan kontigensi; dan

- c. Kerjasama serantau dan antarabangsa untuk mengurangkan kos import dan risiko gangguan bekalan.

Pendekatan ini membolehkan kerajaan melindungi golongan rakyat yang mudah terjejas tanpa menjejaskan kedudukan fiskal negara. Komite ini juga menyediakan *National Risk Monitoring Dashboard* bagi memantau harga minyak, tahap stok dan status rantai bekalan, serta mengeluarkan siaran akhbar dan melaksanakan pemberitaan awam bagi memastikan rakyat sentiasa peka tentang langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan.

Usaha-usaha dimantapkan lagi dengan perancangan senario; penilaian risiko secara berkala; pemantauan petunjuk amaran awal serta penambahbaikan dasar berdasarkan data; dan prestasi. Ini adalah penting dalam menetapkan petunjuk pencetus atau trigger points dan membolehkan Kerajaan bertindak dengan lebih pantas dan tepat sebelum sesuatu gangguan berkembang menjadi krisis yang lebih besar.

Antara risiko yang dikenalpasti adalah dari perspektif keterjaminan dan keselamatan tenaga bagi Negara;

Sektor tenaga menyumbang kepada kos sara hidup rakyat secara langsung melalui harga bahan api dan tarif elektrik, dan secara tidak langsung melalui kos pengangkutan dan pengeluaran. Oleh yang demikian, langkah Kerajaan bagi sektor tenaga bagi memastikan kemampuan milik (*affordability*) dan kemampanan fiskal ditumpukan kepada tiga teras iaitu:

- i. Teras pertama - memastikan harga tenaga domestik kekal stabil dan mampu milik. Kerajaan terus mengekalkan harga domestik bagi bahan api iaitu produk petroleum dan LPG, serta tarif elektrik pada kadar stabil, walaupun harga minyak mentah dan gas asli di pasaran global terus bergolak. Dengan ini, rakyat dan penduduk terus menikmati harga bekalan tenaga yang berpatutan dan terlindung daripada ketidakpastian harga pasaran minyak dan gas asli.
- ii. Teras kedua - memastikan penggunaan tenaga dilaksanakan secara berhemah. Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Ke-80 Baginda agar penggunaan sumber tenaga dilaksanakan secara berhemah oleh semua pihak, Kerajaan akan meneruskan usaha bagi memastikan tenaga digunakan secara lebih bijak dan bertanggungjawab, agar sokongan subsidi terus memberi manfaat sebenar kepada rakyat dan penduduk tanpa mendorong pembaziran.

Seperti yang sudah kongsiikan semasa sesi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Puluh Dua Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2026 pada awal tahun ini, struktur tarif elektrik negara sedang diperkemas daripada bersifat regresif kepada progresif. Ini bermaksud pengguna terus menikmati kadar berpatutan mengikut corak penggunaan sebenar mereka, sekali gus mendorong penggunaan tenaga yang lebih cekap.

Pendekatan ini telah dilaksanakan bagi sektor perumahan pada tahun 2012, dan akan diperluas kepada sektor komersial dengan pelaksanaan tarif baharu pada tahun 2028. Usaha ini turut disokong melalui pelbagai inisiatif kecekapan dan penjimatan tenaga (*Energy Efficiency and Conservation*) bagi rakyat dan industri termasuk program kesedaran, audit tenaga dan pelabelan peralatan cekap tenaga.

- iii. Bagi teras ketiga pula, iaitu dalam mengukuhkan kemampuan sistem tenaga dan kewangan negara bagi jangka masa Panjang, Kerajaan terus memantau perkembangan harga tenaga global secara berterusan bagi perancangan fiskal yang lebih berhemat, sambil mempelbagaikan sumber tenaga negara termasuk tenaga solar bagi mengurangkan pergantungan kepada bahan api fosil. Langkah ini turut memperkukuh keterjaminan tenaga negara menerusi sistem bekalan yang lebih pelbagai dan berdaya tahan. tenaga dan kewangan negara bagi jangka masa panjang, Kerajaan terus memantau perkembangan harga tenaga global secara berterusan bagi perancangan fiskal yang lebih berhemat, sambil mempelbagaikan sumber tenaga negara termasuk tenaga solar bagi mengurangkan pergantungan kepada bahan api fosil. Langkah ini turut memperkukuh keterjaminan tenaga negara menerusi sistem bekalan yang lebih pelbagai dan berdaya tahan.

In shaa Allah, menerusi pendekatan seimbang antara melindungi kesejahteraan rakyat, memastikan penggunaan tenaga yang berhemat, serta pengurusan kewangan negara yang berhemat, sektor tenaga Negara akan terus menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi dan kestabilan kos sara hidup rakyat, sekali gus menyokong pembangunan Negara Brunei Darussalam yang mampan, berdaya tahan, dan berdaya saing.

Kerajaan menyedari bahawa ketegangan geopolitik dan gangguan rantai bekalan antarabangsa boleh meningkatkan kos makanan melalui kenaikan harga bahan api, pengangkutan, baja, benih dan makanan ternakan.

Seiring dengan usaha memastikan keselamatan dan keterjaminan tenaga terus terpelihara, pihak Kerajaan turut memberikan perhatian yang sama penting terhadap keterjaminan bekalan makanan sebagai satu lagi tonggak utama kesejahteraan rakyat dan daya tahan negara.

Melalui pendekatan bersepadu secara *Whole-of-Government*, usaha ini dilaksanakan menerusi pemantauan harga dan bekalan secara berterusan, penyampaian maklumat harga yang telus melalui platform PenggunaBijak, serta pengawalan harga bagi barangan keperluan terpilih. Kerjasama erat antara agensi Kerajaan dan pihak industri turut diperkukuh bagi mengenal pasti tekanan pasaran, merangka intervensi yang bersesuaian serta menggalakkan kepelbagaian sumber import, supaya bekalan barangan keperluan kekal mudah diperolehi pada harga yang stabil dan munasabah, khususnya bagi golongan yang mudah terjejas.

Dalam memperkukuh keterjaminan bekalan makanan negara, usaha Kerajaan meliputi keseluruhan rantai nilai makanan, daripada penyediaan keperluan pengeluaran dan aktiviti pertanian, perikanan serta penternakan, kepada pemprosesan, pengedaran, pemasaran dan eksport. Ini termasuk pemantauan berkala terhadap:

- a. tahap ketersediaan bekalan serta kos pengeluaran;
- b. peningkatan kapasiti pengeluaran tempatan;
- c. pengendalian stok strategik baja dan makanan ternakan;
- d. pengukuhan bekalan benih ikan dan udang; dan
- e. serta penggalakan pengeluaran makanan ikan tempatan bagi mengurangkan pendedahan kepada peningkatan kos import dan logistik.

Pada masa yang sama, pengembangan pasaran eksport terus didokong bagi meningkatkan skala, daya maju dan kemampanan industri, tanpa menjejaskan keutamaan untuk memastikan keperluan makanan dalam negara sentiasa mencukupi dan terjamin.

Insyallah, pihak Kerajaan melalui Komiti Kebangsaan akan terus mengambil pendekatan yang proaktif, bersepadu dan bersasar bagi melindungi kesejahteraan rakyat serta memastikan negara sentiasa bersedia menghadapi cabaran dunia yang semakin kompleks dan tidak menentu. Segala usaha ini akan terus diperkukuh demi menjamin daya tahan, kestabilan dan keselamatan negara.

No. Soalan: PL193

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN

TARIKH : 03.08.2026 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan beralih daripada pendekatan reaktif seperti penyimpanan stok kepada *proactive scenario planning* dan penilaian risiko bagi memperkukuh daya tahan negara menghadapi kejutan geopolitik, ekonomi dan alam sekitar serta gangguan rantai bekalan global semakin kompleks?

JAWAPAN:

Kilang Penapisan Brunei di Seria (*Brunei Shell Refinery* – BSR) telah ditutup pada tahun 2021 selepas beroperasi selama hampir empat dekad. Sejak itu, kerja-kerja mengosongkan kemudahan daripada hidrokarbon serta memastikan tapak berada dalam keadaan selamat telah berjaya diselesaikan. Pada masa ini, tapak tersebut masih berada di dalam kawasan konsesi Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP).

Bagi menilai potensi penggunaan semula tapak tersebut, Syarikat BSP dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) telah melaksanakan penilaian menyeluruh termasuk penglibatan pasaran melalui *Request for Information* (RFI) bagi menilai potensi penggunaan semula tapak tersebut. Berdasarkan hasil penilaian tersebut, keputusan telah dibuat untuk meneruskan kerja-kerja perobohan (*demolition*) kemudahan kilang penapisan.

Pada masa ini, Syarikat BSP sedang merangka strategi kontrak bagi kerja-kerja perobohan, termasuk pengurusan bahan yang boleh dikitar semula bagi mendapatkan nilai yang optimum. Penilaian turut dijalankan bagi mengenal pasti kemudahan tertentu, seperti gudang dan bengkel, yang berpotensi diurus secara berasingan bagi meningkatkan kecekapan proses penyahtaulihan dan pemulihan tapak.

Pelan pelaksanaan dan jadual kerja terperinci dijangka dimuktamadkan pada tahun 2026 ini. Kerja-kerja perobohan dijangka bermula pada tahun 2027 dan mengambil masa sekitar dua tahun untuk diselesaikan.

Tapak BSR yang berkeluasan kira-kira dua belas perpuluhan enam tujuh (12.67) hektar mempunyai lokasi strategik kerana berhampiran dengan infrastruktur minyak dan gas yang masih beroperasi termasuk Seria Crude Oil Terminal (SCOT), serta mempunyai akses kepada rangkaian jalan utama di kawasan Seria. Potensi pembangunan jangka panjang kawasan tersebut akan dinilai dengan lebih lanjut. Antara pilihan yang sedang dipertimbangkan ialah mengekalkan tapak tersebut bagi menyokong keperluan operasi sektor minyak dan gas pada masa hadapan atau menyerahkannya kepada Kerajaan untuk dimanfaatkan bagi pembangunan industri dan ekonomi yang bersesuaian

No. Soalan: PL206

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

TARIKH : 03.08.2026 [ISNIN]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan *right-sizing* industri minyak dan gas boleh mengakibatkan *talent leakage*, apakah mekanisme JPM dan pihak berkuasa industri menilai keperluan pelepasan pekerja tempatan berbanding pengekalan ekspatriat, serta menjejak dan menempatkan semula tenaga mahir tempatan ke sektor strategik?

JAWAPAN:

Tidak dinafikan, pengoptimuman operasi dan kos sektor hulu diperlukan bagi mengekalkan daya saing dan kelangsungan pengeluaran daripada aset yang semakin matang, antaranya melalui penyelaraskan skop kerja dan menggabungkan kontrak perkhidmatan.

Dalam konteks ini, perlu difahami bahawa tidak semua tenaga kerja yang meninggalkan industri hulu berbuat demikian akibat *right-sizing*. Pelepasan tenaga kerja berlaku atas pelbagai faktor, termasuk persaraan awal secara sukarela, pengoptimuman kontrak dan operasi, pengurangan skop kerja serta tamatnya kontrak apabila sesuatu projek atau kontrak perkhidmatan telah tamat.

Unjuran pada awal tahun 2026 menunjukkan pengurangan melibatkan kedua-dua kumpulan pekerja tempatan dan ekspatriat dalam masa dua tahun yang akan datang, iaitu seribu tiga ratus tujuh puluh tujuh (1,377) pekerja tempatan dan seribu dua ratus empat puluh sembilan (1,249) pekerja ekspatriat berpotensi terjejas akibat pengoptimuman kontrak dan operasi.

Oleh itu, pihak Kerajaan bersama pihak industri bekerjasama erat dalam mengutamakan penempatan semula tenaga kerja tempatan.

Daripada lima ratus sembilan puluh enam (596) pekerja tempatan yang terjejas setakat ini yang merangkumi tenaga profesional, teknikal, mahir dan separa mahir, seramai tiga ratus lapan (308) orang atau lima puluh dua (52) peratus telah berjaya ditempatkan semula ke sektor hulu, dan sebahagian kecil ke sektor tenaga elektrik dan sektor-sektor lain melalui beberapa langkah intervensi segera, antaranya:

- i. Tujuh sesi *HR Connect* dari Januari 2026 hingga Julai 2026, yang berjaya menempatkan semula lapan belas (18) pekerja tempatan;
- ii. Saringan permit kerja pekerja asing yang diperkukuhkan dan usaha *job matching* dengan syarikat-syarikat yang mempunyai kekosongan jawatan yang bersesuaian, yang berjaya menempatkan semula seratus lima puluh sembilan (159) pekerja tempatan; dan
- iii. Promosi profil pekerja tempatan yang terjejas kepada bakal majikan dan perkongsian maklumat mengenai jawatan kosong di syarikat-syarikat melalui komunikasi secara langsung dengan syarikat-syarikat, telah berjaya menempatkan semula seratus tiga puluh satu (131) pekerja tempatan.

Bagi jangka sederhana dan panjang, usaha turut ditumpukan bagi memastikan tenaga kerja tempatan kekal berdaya saing dan bersedia memenuhi keperluan industri pada masa hadapan. Antaranya melalui:

- i. Pengukuhan pelan penggantian dan pembangunan kompetensi secara berperingkat bagi menyediakan pekerja tempatan untuk mengambil alih jawatan yang masih disandang oleh pekerja expatriat;
- ii. Penyelarasan melalui Manpower Industry Steering Committee (MISC) – Energy Working Group bagi memastikan tenaga kerja tempatan mempunyai kemahiran yang pelbagai agar mereka kekal relevan, berdaya saing dan bersedia memenuhi keperluan industri yang sentiasa berkembang; dan
- iii. Pemantauan berterusan perkembangan projek tenaga supaya perancangan tenaga kerja, latihan dan penempatan semula dapat dilaksanakan lebih awal mengikut keperluan industri.